

UKM perkenal taman botani berkonsepkan wakaf

Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediaprima.com.my



Pengarah Yayasan Canselor menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, Prof. Dr Faizal Mohamed (tiga dari kanan) bersama Dekan Fakulti Pengajian Islam merangkap Duta Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi, Prof. Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (dua dari kiri), Dekan Fakulti Sains dan Teknologi UKM, Prof. Dr Ishak Ahmad (dua dari kanan), Dekan Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Prof Dr Zafir Khan Mohamed Makhbul (kanan) dan Ketua Taman Botani Bangi, Prof. Dr Noraini Talip bergambar selepas melakukan gimik pelancaran pada Majlis Pelancaran Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi di Kompleks Rumah Tumbuhan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi. FOTO AIZUDDIN SAAD

Bangi: Program Eksplorasi Mahabbah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) mencipta sejarah tersendiri apabila Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi, di sini, dilancarkan dalam usaha memperkukuh kelestarian alam sekitar melalui inisiatif wakaf.

Pengarah Yayasan Canselor yang mewakili Naib Canselor UKM, Prof Ts Dr Faizal Mohamed berkata, inisiatif wakaf itu dilaksanakan mengikut tatakelola profesional serta mematuhi peraturan ditetapkan Perbadanan Wakaf Selangor.

Beliau yang turut menjalankan fungsi Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat UKM, berkata, projek berkenaan berpotensi menjadi contoh terbaik pengurusan wakaf di universiti awam.

"Selari keperluan menjaga amanah dana orang ramai yang disumbangkan untuk manfaat jangka panjang, segala urusan didaftarkan dengan telus serta diaudit bagi memastikan integriti dan kelestariannya terpelihara.

"Idea wakaf bersifat antarabangsa. Taman botani berkonsepkan wakaf bukan sesuatu yang baharu kerana banyak direalisasikan di negara luar termasuk Amerika Syarikat (AS), Turki, Bosnia dan Indonesia.

"Taman-taman botani secara wakaf ini dilakukan di negara-negara luar...tidak mustahil kita (UKM) boleh menjadi contoh yang baik kepada Malaysia. Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi dilihat mampu menjadi model rujukan negara berdasarkan amalan global," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan merasmikan Program Eksplorasi Mahabbah Cinta Alam, Cinta Wakaf dan Majlis Pelancaran Dana Wakaf Taman Botani Bangi, anjuran Fakulti Sains dan Teknologi (FST) serta Fakulti Pengajian Islam (FPI), di sini, tadi.

Hadir sama Dekan FPI merangkap Duta Dana Wakaf Khas Taman Botani Bangi, Prof Datuk Dr Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim dan Dekan FST Prof Dr Ishak Ahmad.

Sementara itu Mohd Izhar Ariff menyifatkan pelancaran dana itu sebagai peluang memperluas budaya wakaf dalam kalangan masyarakat yang sudah lama menjadi tunjang pembangunan ummah sejak zaman Rasulullah SAW melalui wakaf tanah, kebun dan sumber air.

"Taman Botani Bangi sebagai pusat ilmu, kelestarian dan wakaf. Ia bukan sahaja ruang rekreasi, tetapi akan menjadi platform penyelidikan biodiversiti, pendidikan komuniti, aktiviti rekreasi berimpak, serta pusat wakaf yang memberi manfaat sepanjang masa," katanya.

Disiarkan pada: November 15, 2025 @ 3:03pm